



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	METRO AHAD			
TARIKH	:	15/8/2021 (AHAD)	MUKA SURAT	:	20
JABATAN	:	PERHILITAN			

Metro Ahad, 15
Ogos 2021_20

'Yob Hijrah' masuk Royal Belum

Ipoh: Seekor gajah jantan digelar Yob Hijrah yang merosakkan tanaman penduduk Kampung Air Jada, Gerik dipindahkan ke Hutan Royal Belum, semalam.

Terdahulu, proses untuk memindahkan gajah berusia 21 tahun itu ke atas lori mengambil masa satu jam setengah dengan menggunakan khidmat dua gajah denak iaitu Alam dan Abot.

Pengarah Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) Perak Yusoff Shariff berkata, gajah seberat kira-kira 1.5 tan itu berjaya dipindahkan ke atas lori kira-kira jam 12.30 tengah hari selepas usaha memujuknya dilakukan sejak 11 pagi.

Menurutnya, gajah itu diberi nama Yob Hijrah kerana ditangkap pada hari sambutan Maal Hijrah, baru-baru ini.

"Masa agak lama diperlukan bagi 'menarik' gajah berkenaan menaiki lori memandangkan ianya jantan selain turut perlu menyeberang sungai, sekali gus memerlukan anggota berhati-hati melakukannya.

"Khidmat gajah denak yang didatangkan dari Pusat Konservasi Gajah Kebangsaan (PKGK) Kuala Gandah, Pahang digunakan untuk 'memujuk' Yob Hijrah," katanya ketika dihubungi di sini.

Operasi pemindahan gajah berkenaan turut melibatkan 10 kakitangan Perhilitan Perak dan 15 kakitangan PKGK berkenaan.

Yusoff berkata, gajah jantan itu dikenal pasti dari kumpulan Papulut yang terdiri daripada enam kawanan yang pernah dilihat penduduk kampung lebih setahun lalu.

